

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

PLG 430 - Proses Perkembangan Kurikulum Pendidikan Jasmani

Masa : [3 jam]

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

1. Ahli falsafah dan pendidikan jasmani berpendapat bahawa objektif-objektif Pendidikan Jasmani hendaklah dibentuk berdasarkan pelajar-pelajar. Ann Jewett telah mempelopori konsep tujuan yang merangkumi 3 topik konsep utama:-
 - a) Perkembangan Individu
 - b) Penyesuaian Persekutaran
 - c) Interaksi sosial

Bincangkan.

(25 markah)

2. Menjadi penonton yang baik, menghargai prestasi dan kejayaan orang lain, memahami sukan-sukan berpasukan, dan mempamerkan semangat kesukanan yang positif merupakan di antara gol-gol sosio-budaya dalam program Pendidikan Jasmani dan kesihatan. Terang dan kemukakan contoh-contoh untuk menyokong perbincangan anda.

(25 markah)

3. Ann Jewett dan Linda Bain telah mengenalpasti LIMA (5) Orientasi Nilai dalam pembentukan kurikulum Pendidikan Jasmani. Bincangkan.

(25 markah)

...2/-

4. Ahli-ahli teori kurikulum memperkenalkan TIGA (3) elemen sebagai sumber rujukan kurikulum. Bincangkan.

(25 markah)

5. Teori-teori kurikulum memberi asas untuk membuat keputusan mengenai objektif, konten, struktur, urutan, dan penilaian rancangan kurikulum. Terangkan TIGA (3) di antara LIMA (5) teori kurikulum Pendidikan Jasmani yang telah diutarakan oleh ahli-ahli kurikulum.

(25 markah)

- oooOooo -